

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 48 RABU 28HB. NOBEMBER, 1973. 1393 ذوالقعدة 3 رابو PERCHUMA

Penuntut2 di-panggil pulang demi keselamatan mereka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 84 orang penuntut Brunei yang menuntut di-Semenanjung Malaysia telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu berikutan dengan langkah Kerajaan memanggil pulang penuntut2 itu bagi melindungi keselamatan mereka.

Penuntut2 itu ada-lah terdiri dari beberapa orang penuntut yang belajar di-Institusi Teknologi Mara, di-Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya dan Universiti Pertanian.

Langkah di-ambil oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia ada-lah bagi kepentingan keselamatan penuntut2 itu sendiri.

Keselamatan penuntut2 itu di-sana ada-lah ternyata tidak terjamin kerana keadaan mereka senentiasa dalam anchaman yang serba boleh menimbulkan akibat2 yang buruk, bukan sahaja kepada penuntut2 itu sendiri, tetapi juga kepada rakyat dan negara. Mereka ada-lah perlu di-selamatkan dengan segera sa-belum terjejas kepada keadaan yang lebeh membahayakan.

Dari penuntut2 itu ada-lah di-fahaman juga yang mereka merasa bersukor atas tindakan segera dari Kerajaan Duli Yang Maha Mulia itu untuk menyelamatkan mereka dari di-ganggu terus menerus oleh anchaman2 tersebut.

Pengerusi Majlis Pelajaran, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil
(Lihat muka 8)

Keselamatan penuntut2 di-ITM di-ancham

BANDAR SERI BEGAWAN. — Wakil penuntut2 Brunei dari Instituti Teknologi Mara dalam satu temu-ramah dengan Radio Brunei baru2 ini telah menerangkan bahawa mereka telah di-ancham oleh salah sa-orang pelarian Brunei, Haji Morshidi yang mendapat perlindungan politik di-Malaysia.

Beliau menerangkan bahawa Haji Morshidi yang ditempatkan dalam asrama penuntut2 Brunei telah mengancham dengan kata2 sa-chara emosi bahawa dia akan melakukan sa-suatu jika penuntut2 Brunei enggan mengikut arahan-nya.

Kata-nya, Haji Morshidi mensifatkan diri-nya mempunyai kuasa di-Malaysia dan boleh melakukan apa saja jika dia mahu.

Ini termasuk-lah anchaman dengan memfitnah penuntut2 Brunei melakukan perkara2
(Lihat muka 8)

Kepulangan penuntut2 atas arahan Paduka Seri Begawan di-nafikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Brunei telah menafikan dengan keras-nya mengenai dengan berita2 yang di-siarkan oleh akhbar2, radio dan TV Malaysia yang menyatakan pemanggilan pulang penuntut2 Brunei di-Semenanjung Malaysia ada-lah atas arahan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Siaran Kerajaan mensifatkan berita2 itu sa-bagai yang tidak benar dan mengelirukan umum dan ada-lah ternyata yang kenyataan itu bertujuan untuk menjatuhkan nama Brunei yang sa-lama ini mengamalkan dasar2 pemerintahan yang sempurna.

Kenyataan itu menengaskan bahawa tindakan pemanggil
(Lihat muka 8)

Ibu-bapa di-seru bertenang dan bersabar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri, selaku Pengerusi Majlis Pelajaran telah menasehatkan ibu-bapa penuntut2 tersebut supaya bertenang dan bersabar dalam menghadapi masaalah2 yang di-hadapi oleh anak2 mereka berthabit dengan keadaan yang tidak mententeramkan itu.

Dalam satu pertemuan-nya dengan ibu-bapa2 di-Dewan Raya baru2 ini, Yang Berhormat menyatakan, oleh kerana keadaan yang tidak tenteram itu di-fikirkan akan menda-tangkan sa-suatu bahaya kepada penuntut2 dan menda-tangkan kekhuatiran kepada ibu-bapa2 atau sanak-saudara penuntut2 itu, sa-telah di-fikirkan dengan seluas2-nya dan di-kaji dengan sedalam2-nya, demi untuk menjaga kesela-
(Lihat muka 8)



PASOKAN ke-6 Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles telah menderma sa-banyak \$1,125.72 kepada Tabong Pembinaan Stadium

Derma tersebut telah disampaikan kepada Pengerusi Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya a Negara Pengiran Haji Abu Bakar oleh Pegawai Pemerintah pasokan itu, Lt. Col. C.J. Scoot di-pejabat pegawai daerah baru2 ini (gambar atas).

Wang tersebut ada-lah 15 peratus dari hasil pendapatan sa-masa pasokan itu mengadakan temasha pasar ria yang di-adakan di-Gelenggang Sokan Setia baru2 ini.

Di-samping itu, pasokan itu juga mendermakan lebeh dari \$2,600 kepada badan2 kebajikan di-Daerah Belait.

Selamat tiba

JABATAN Hal Ehwal Ugama telah menerima kawat bahawa 33 orang bakal2 haji yang pergi dengan kapal laut telah selamat sampai di-Jeddah.

Bakal2 Haji itu telah belayar dengan kapal Malaysia Raya pada 3hb. Nobember yang lalu dan tiba di-Jeddah pada 19hb. Nobember.

Penduduk2 kampung di-seru berchuchok-tanam untuk tambah pendapatan

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar pada minggu lalu telah membuat lawatan ka-tiga buah kampung di-ulu Belait untuk meninjau keadaan penduduk di-kampung2 itu.


Kampung2 yang di-lawati itu ia-lah Kampung Saud, Melilas dan Bukit Teraja.

Dalam lawatan itu Pegawai Daerah itu telah di-iringi oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Belait, Awang Yaakob bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal; Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Yahya bin Haji Haris; Pegawai Tanah Daerah, Pengiran Ali Hassan bin Pg. Dato Seri Laila Jasa Haji Abas; Juru Ukur Daerah, Awang Mohamed Taib bin Haji Mohamed Said; Pegawai Perubatan Daerah, Dr. T. Punch; Major Colin Burkis dari Pasukan ke-enam Queen Own Gurkha Rifles dan Lt. Mohamed A.M. Salleh dari pasukan Askar Melayu Diraja Brunei.

Semasa lawatan itu Pegawai Daerah telah bertemu-ramah dengan penduduk2 di-kampung itu dan menasehatkan mereka supaya berusaha berchuchok-tanam bagi menambahkan lagi pendapatan mereka.

Sementara itu, baru2 ini Pegawai Daerah Belait juga telah melawat tiga buah kampung di-daerah itu. Kampung2 yang di-lawati ia-lah Kampung Buau, Apak2 dan Sukang.

Dalam lawatan itu Pegawai Daerah telah menyaksikan satu kawasan bagi tapak bangunan sekolah sementara di-Kampung Apak2 dan juga melawat kawasan bangunan sekolah sementara di-Kampung Buau yang sekarang hampir2 siap pembinaan-nya.



Gambar atas menunjukkan Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim ketika memeriksa barisan rekrut2 Pulis Diraja Brunei di-upacara perbarisan tamat latihan yang telah di-adakan di-Pusat Latihan Pulis Jalan Muara baru2 ini.

Sekolah sementara akan di-bina di-Kampung Long Mayan

TUTONG. — Penduduk2 di-Kampung Long Mayan di-Daerah Tutong sedang menjalankan kerja membersekan sa-buah kawasan sa-luas lima ekar untuk di-jadikan sa-buah tapak bangunan sekolah Melayu sementara di-kampung itu.

Bangunan sekolah sementara, 23 batu dari Pekan Tutong itu akan di-bina sa-chara gotong royong oleh penduduk2 kampung tersebut tahun hadapan, sementara bantuan dan kemudahan2 sekolah, termasuk menyediakan guru2 dan buku2 teks akan di-lakukan oleh Kerajaan melalui Jabatan Pelajaran.

Nazir Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong Dua, Che'gu

Haji Abdullah bin Penyurat Haji Abu berkata, lebih 40 orang2 kanak2 yang berumur antara 6 hingga 12 tahun telah pun di-daftarkan di-kampung itu yang belum lagi memasuki mana2 sekolah2.

Beliau menerangkan, pada masa ini terdapat 9 buah bangunan sekolah sementara di-Bahagian Tutong Dua yang di-bina sejak tahun 60-han, dengan keramaian murid-nya berjumlah 670 orang.

Dari bangunan sekolah sementara itu telah banyak menghasilkan penuntut2 menyambung pelajaran mereka ka-sekolah2 persediaan Inggeris, sekolah2 menengah Melayu, dan sa-orang daripadanya telah berjaya menyambung pelajaran ka-Sekolah Menengah di-Singapura.

Beliau melahirkan rasa puas hati atas kemajuan penuntut2 yang belajar di-bangunan sekolah sementara itu, terutama sekali atas usaha guru2 yang mengajar di-sekolah2 itu.

81 orang terima t-pinggang Judo

JALAN MUARA. — Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, selaku Yang Di-Pertua Persatuan Judo dan Karate Amator Negeri Brunei telah menyampaikan sijil2 dan tali pinggang2 Judo kepada 81 orang anggota Pasukan Pulis Diraja Brunei.

Upacara penyampaian itu telah di-adakan di-Pusat Latihan Pulis di-Jalan Muara baru2 ini.

Anggota yang menerima hadiah yang paling tinggi ia-itu tali pinggang warna coklat ia-lah Sarjan 472 Ghulam Rahmani bin Khani Zaman.

Menanam padi

TUTONG. — Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Luangan Dudok di-Daerah Tutong telah selesai menanam padi di-Paya Sambatang dekat kampung itu yang sa-luas lebih kurang 180 ekar.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata walaupun pada tahun2 sudah ahli2 persatuan-nya dapat mengusahakan penanaman padi di-kawasan itu lebih dari 300 ekar pada tiap2 tahun, tetapi pada tahun ini mereka hanya dapat mengusahakan 180 ekar.

Persatuan Peladang Kampong Luangan Dudok ia-lah sa-buah persatuan yang menanam padi paya sa-chara besar2an yang di-usahakan oleh ahli2-nya sendiri dan mereka mendapat hasil yang berlebihan dari keperluan mereka, kechuali pada tahun lepas di-sebabkan oleh kemarau panjang.

Juruchakap itu menerangkan, mereka juga menggunakan beneh2 padi tempatan dan tanaman2 itu di-jadualkan mulai di-tuai dalam bulan Mach tahun depan.

Pada tahun ini, ada-lah di-perchayai banyak kawasan2 padi paya dan tugal sedang di-buka dan di-tanamai oleh ramai penduduk2 di-Daerah Tutong.

Sekolah Ugama

SERIA. — Kerajaan telah menerima tawaran2 bagi pembinaan sa-buah Sekolah Ugama dan kerja2 tambahan di-Seria.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya di-Kuala Belait menyatakan sekolah tersebut akan di-bina di-satu tapak yang berdekatan dengan Maktab Anthony Abell, Seria.

Kerja2 itu menganggotai pembinaan tiga blok bangunan sekolah, sa-buah blok pentadbiran, sa-buah bilik makan dan dewan perhimpunan.



PENULONG Guru Besar Sekolah Melayu Muda Hashim, Che'gu Hajibah binte Umar ketika memberi ucapan di-majlis pembukaan kursus Bahasa Inggeris bagi 9 orang guru dari kawasan Tutong Satu dan Dua yang di-adakan di-sekolah tersebut.

Kursus tersebut di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran dan di-jadualkan berakhir hari ini.

SESUNGGUHOH-NYA kejayaan sa-suatu umat itu bukan-lah berdasarkan sepenoh-nya kapada ramai bilangan atau dari segi kuantiti, tetapi ada-lah dengan sebab kukoh jiwa-nya, kuat azam-nya dan tegoh kekuatan rohani-nya atau bagus kualiti-nya. Bagitu-lah hal-nya dengan keadaan umat Islam di-zaman2 permulaan-nya, mereka itu hanya mempunyai bilangan yang sedikit dan dalam keadaan yang serba payah, tetapi berkat kekuatan rohani mereka yang padat dengan iman, semangat dan kezaman yang kuat, berkat keberanian mereka yang tiada gentar menghadapi maut dan mengaggap kematian itu hanya merupakan suatu peralehan ka-alam yang kekal abadi yang lambat laun mesti tiba masa-nya, yang demikian mereka berjihad dan berjuang menegakkan ugama Allah dan membangun negara Islam. Maka akhir-nya mereka beroleh kejayaan yang sukar mendapat tandingan-nya dalam sejarah. Mereka berjaya menjadi satu umat yang maju dan berpengaruh, mengembangkan sikap keagongan-nya ka-timor dan ke-barat, ke-utara dan ke-selatan.

Ini-lah satu hakikat yang harus kita sedari jika kita ingin menchapai kejayaan dalam apa jua lapangan, kekuatan rohani pada suatu umat itu ada-lah asas kejayaan, sebakel-nya kelemahan rohani itu ada-lah puncha kelemahan, puncha kemundoran dan puncha ke-hanchoran. Tiada-lah suatu umat itu akan lebor kerana sedikit bilangan sa-lagi mereka itu padat dengan kekuatan rohani dan mempunyai sifat2 kekuatan yang sa-laras dengan kehendak ajaran2 Islam. Firman Allah di-dalam Surah Al-Baqarah ayat 249 yang bermaksud:

"Berapa banyak kejadian gulungan yang sedikit dapat mengalahkan gulungan yang

Bilangan yg sedikit bukan menjadi penghalang utk menchapai kejayaan tetapi yang penting ia-lah nilai dan kualiti yang sedikit itu

banyak dengan izin Allah dan Allah beserta orang2 yang sabar".

Firman-nya lagi di-dalam surah Al-Anpal ayat 65 yang bermaksud:

"Jika ada dua puluh orang antara kamu yang berhati sabar, neschaya mereka boleh menghalang dua ratus orang kafir, jika ada sa-ratus boleh mengalahkan seribu orang kafir, kerana orang2 kafir itu orang2 yang tiada berpengetahuan".

Daripada keterangan ayat2 Al-Quran tersebut, dapat-lah kita mengambil kesimpulan

629 bakal haji bertolak dlm dua penerbangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 629 orang bakal haji Brunei akan bertolak ka-Jeddah dengan kapal terbang untuk menunaikan fardhu haji di-Mekah dalam dua penerbangan. Penerbangan pertama pada 3hb. Disember akan membawa 403 orang bakal2 haji termasuk 4 orang pegawai perubatan. Mereka di-jadualkan bertolak dari lapangan terbang antara bangsa Brunei pada jam 10.15 pagi dan bakal2 haji itu ada-lah di-minta bersedia di-lapangan terbang tidak lewat dari jam 8.00 pagi

untuk membuat urusan2 yang di-perlukan.

Penerbangan kedua pada 5hb. Disember akan membawa 226 orang bakal2 haji yang di-jadualkan bertolak dari lapangan terbang antara bangsa Brunei pada jam 9.00 pagi dan mereka di-minta bersedia di-lapangan terbang tidak lewat dari jam 7.00 pagi untuk membuat urusan2 yang di-perlukan.

Bakal2 haji yang akan bertolak dalam penerbangan pertama hendak-lah menghantar barang2 mereka ka-lanpangan terbang lama pada 2hb. Disember dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang sementara bakal2 haji bagi penerbangan kedua hendak-lah menghantar barang2 mereka ka-tempat yang sama pada 4hb. Disember dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

KEKUATAN ROHANI ADA-LAH SA-BAGAI ASAS BAGI MENCHAPAI KEJAYAAN

KHUTBAH JUMA'AT

bahawa bilangan yang sedikit bukan-lah menjadi penghalang untuk menchapai kejayaan, tetapi yang penting ia-lah nilai kualiti bilangan yang sedikit itu. Demikian juga halnya dengan kedudukan kita raayat dan penduduk negeri ini sekalipun kita mempunyai keramaian yang sedikit jika di-bandingkan dengan negara2 lain, tidak-lah menjadi halangan kapada kita untuk menchapai kejayaan dalam segala lapangan yang kita kehendaki, asalkan kita mempunyai nilai2 dan sifat2 kekuatan yang bersesuaian dengan kehendak2 ajaran Islam.

Antara perkara2 yang patut kita pertimbangkan supaya kita mempunyai nilai2 dan sifat2 kekuatan itu ia-lah de-

ngan jalan menegohkan lagi sikap dan pendirian kita terhadap ugama Islam, mempertinggi taraf pendidikan dan pelajaran, mempertinggi taraf sosial, kesihatan, dan ekonomi di-samping memelihara nilai2 akhlak dan peribadi ketimoran kita. Dengan demikian mudah2an tidak akan ada keluhan bersabit dengan kekurangan dan kelemahan2 kita di-berbagai bidang.

Oleh yang demikian mari-lah kita terus menerus berusaha dan bekerja bagi mengatasi masaalah2 yang sedang dan akan kita hadapi terutama dalam bidang pembangunan bangsa dan negara kita dengan tidak menghiraukan bilangan kita yang belum bagitu ramai. Mudah2an dengan izin Allah dan dengan berkat kesungguhan dan ketabahan kita, Allah akan memberi pertunjok dan hidayah serta kejayaan kapada kita.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 28hb. Nohember, hingga ka-hari Selasa 4hb. Disember, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit	Matahari
28hb. Nob.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12	
29hb. Nob.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12	
30hb. Nob.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12	
1hb. Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14	
2hb. Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14	
3hb. Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14	
4hb. Dis.	12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Tarikh penutup di-lanjut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tarikh penutup untuk menghantar barang2 masuk bagi menyertai peraduan menulis skrip drama, cerpen dan sajak, yang di-anjarkan oleh Badan Kesusasteraan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah di-lanjutkan kapada 1hb. Disember hadapan.

Sa-orang juruchakap bagi Badan Kesusasteraan itu menyatakan bahawa langkah itu di-buat ia-lah untuk memberi-

kan peluang kapada mereka yang ingin menyertai peraduan itu.

Peraduan tersebut hanya dibuka kapada penuntut2 dari Sekolah2 Menengah dan Maktab2 di-Daerah Brunei dan Muara.

Borang2 masuk hendak-lah di-hantar kapada Setia Usaha Badan Kesusasteraan itu, Dayang Norfah binte Budin, di-alamat Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Batu 1 1/2 Jalan Tutong tidak lewat dari 1hb. Disember, 1973.

(28hb. Noverber, 1973).

PULANG DAN BERTENANG

KEADAAN yang tidak disangka2 telah memaksa semua penuntut2 Brunei yang belajar di-Semenanjung Malaysia di-panggil pulang telah menimbulkan tanda tanya di-kalangan ibu-bapa dan penuntut2 lainnya yang tidak mengetahui kedudukan mereka sebenar-naya.

Keputusan memanggil pulang semua penuntut2 itu di-ambil sa-telah Kerajaan memikirkan dengan sehalus2-nya terhadap bahaya akan timbul jika keadaan yang meragukan keselamatan penuntut2 di ITM dan penuntut2 lain di-Semenanjung Malaysia di-biarkan berlanjutan dalam keadaan yang ada sekarang.

Menyadari perkara ini, maka tidak ada jalan lain di-ambil melainkan memanggil pulang semua penuntut2 itu dengan harapan terlepas dari ancaman dan bahaya yang sudah tentunya bukan saja mengganggu pelajaran mereka bahkan merupakan satu peluang terbuka kepada anasir2 yang chuba merancang sa-suka hati menurut perhitungan-nya.

Ancaman Haji Morshidi yang di-suarkan kepada penuntut2 Brunei di-ITM sudah boleh di-sifatkan satu teori yang boleh menimbulkan keadaan serba mungkin, lebeh2 lagi memandang kepada kedudukan-nya sa-bagai sa-orang perlindungan politik yang mendapat kebebasan dan keistimewaan telah menambahkan lagi rasa bimbang.

Haji Morshidi yang di-tempatkan dalam satu asrama dengan penuntut2 Brunei di-ITM merupakan satu pancing yang juga boleh di-sifatkan satu alat untuk melakukan sa-suatu terhadap penuntut2 Brunei.

Memikirkan kesejahteraan, keselamatan penuntut2 itu lebeh penting dan lebeh utama, maka Kerajaan terpaksa berkorban dengan menghadapi kerugian yang banyak sa-mata2 untuk menyelamatkan mereka dari terjejas atau menjadi korban oleh kumpulan propaganda anti marsharakat.

Langkah beringat2 sa-belum kena merupakan sifat berjaga2 dan waspada dalam tindak-tanduk sa-tiap gerak dan laku kerana sifat beringat2 itu merupakan satu fatwa sederhana, dengan sebab itu langkah tegas yang di-ambil sekarang mencherminkan pandangan jauh kedepan.

Sekarang ibu bapa telah mengerti, anak2 mereka telah menyedari dan atas kesedaran itu mereka menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah mengambil berat atas keselamatan mereka.

Kerajaan penoh menyedari bahawa penuntut2 itu ada-lah bakal menjadi tenaga penggerak dalam mengendalikan kemajuan dan pembangunan. Jaminan2 tentang masa depan mereka tidak akan terjejas sementara persiapan2 lanjut dan usaha2 ka-araf itu sedang di-buat apa yang di-kehendaki dalam keadaan ini supaya mereka bertenang dan bersabar.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Hj. Mohd. Jamil Al-Sufri sedang menerima derma dari Kelab Nondescripts yang di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua kelab tersebut, Awang Holt — Gambar ehsan DBP.

Derma untuk tabong stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-jumlah \$2,376.77 lagi telah di-terima oleh Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Ag. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri untuk tabong pembinaan stadium.

Sa-banyak \$2,056.45 telah di-dermakan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei. Wang yang di-perolehi dari hasil kutipan tayangan filem baru2 ini dan telah di-sampaikan oleh Pengarah Badan Kesenian dan Kebudayaan PGGMB, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Rabaha.

Kelab Nondescript menderma sa-banyak \$320.32 dan der-

ma tersebut di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua Kelab tersebut, Awang Holt.

Ketika menerima derma tersebut, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dr. Awang Haji Mohd. Jamil menguchapkan sa-tinggi2 terima kasih dan penghargaan di-atas usaha2 yang mereka telah jalankan sa-tinggi2 terima kasih tersebut bagi menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.

Yang Berhormat itu seterusnya berharap langkah yang sademikian itu akan menjadi sa-suatu contoh yang baik untuk di-ikuti oleh pehak2 yang lain.

Ahli2 BATEFL bertambah

SERIA. — Nadzir Negara Sekolah2, Awang Mohamed Suni bin Haji Idris selaku Yang Di-Pertua Persatuan Guru2 Bahasa Inggeris sa-bagai bahasa asing, (BATEFL), berkata ahli2-nya telah bertambah kepada hampir2 250 dan sejak penubuhan-nya dalam bulan April lalu, Jawatankuasa Pengurus telah menjalankan beberapa chadangan.

Awang Mohamed Suni menyatakan demikian sa-belum merasmikan sidang tahunan kali pertama BATEFL di-Maktab Anthony Abell, Seria pada hari Ahad lepas.

Beliau berkata persatuan itu sekarang ada-lah chawangan Persatuan Antarabangsa bagi Inggeris sa-bagai bahasa asing yang beribu pejabat di-London.

BATEFL telah pun menganjorkan peraduan keselamatan di-jalanraya yang di-kelo-

lakan bersama oleh Jabatan Pelajaran dan mengadakan pameran buku yang telah berjaya di-laksanakan di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-Bandar Seri Begawan.

Awang Mohamed Suni menegaskan bahawa terbitan Newsletter persatuan itu keluaran bulan Disember akan termasuk penerangan2 chara2 bagaimana ahli2 persatuan boleh mendapatkan sijil2 professional dalam pengajaran bahasa Inggeris sa-bagai bahasa asing yang di-tawarkan oleh Royal Society of Art, London, dan ahli2 yang ingin menyedai dan memasoki pepereksaan tersebut untuk mendapatkan sijil2 itu akan di-bantu oleh persatuan.

Beliau menambahkan persatuan itu juga berchadang akan mengadakan perhubungan2 akademi bagi ahli2 di-ka-wasan pendalaman yang ter-

(Lihat muka 8)

Rekrut2 baru utk berkhidmat dgn Pulis Diraja di-kehendaki

PASOKAN Pulis Diraja Brunei menghendaki rekrut2 baru untuk memulakan latehan dalam pertengahan bulan Januari tahun depan.

Pemohon2 mesti-lah raayat D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang maseh bujang dan berumur di-antara 18 dan 25 tahun. Ukuran badan tidak kurang 5' 2", berbadan sehat dan lulus tidak kurang dari Darjah VI Melayu atau Inggeris.

Pemohon2 yang berbadan lebeh tinggi dan mempunyai kelayakan pelajaran yang lebeh tinggi akan di-beri keutamaan.

Buti2 mengenai gaji dan sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati dari mana2 balai pulis di-seluruh negeri.

Pemuda2 yang berhajat untuk berkhidmat dengan pasokan pulis itu hendak-lah datang untuk ditenu duga ka-tempat2 dan tarikh2 saperti berikut:

Di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 1hb. Disember mulai jam 8.00 pagi.

Di-Balai Pulis Panaga pada hari Isnin 3hb. Disember mulai jam 8.00 pagi.

Di-Balai Pulis Tutong pada hari Selesa 4hb. Disember mulai jam 8.00 pagi.

Di-Balai Pulis Seria pada hari Rabu 5hb. Disember mulai jam 8.00 pagi.

Di-Balai Pulis Kuala Belait pada hari Rabu 5hb. Disember mulai jam 2.00 petang.

Pemohon2 hendak-lah membawa bersama mereka kad pengenalan, surat beranak dan sijil2 persekolahan atau lain2 bakti persekolahan.

Ahli2 J/K tadbir PUSAKE yg baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 12 orang telah di-pilih sa-bagai ahli jawatankuasa tadbir untuk mentadbir Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sungai Kebun bagi tahun 1973/74.

Mereka itu telah di-pilih dalam satu mashuarat agong tahunan yang di-adakan baru2 ini.

Pengiran Matarsad bin Pg. Metassan telah di-pilih sa-bagai Penasehat; Ak. Hidup bin Pg. Besar sa-bagai Yang Di-Pertua manakala Ak. Jaya bin Pengiran Tahir sa-bagai Naib Yang Di-Pertua.

Awang Mohd. Salleh bin Matarsad di-pilih sa-bagai Setia Usaha Kehormat dan Awang Hamdan bin Haji Karim sa-bagai penolong-nya.

Lain2 ahli yang di-pilih ia-lah Pengiran Damit bin Pg. Yaakub sa-bagai Bendahari Kehormat; Seksi Sokan dan Olahraga: Ak. Md. Jali bin Pg. Tahir; Seksi Kebajikan dan Ugama: Awang Hj. Ali bin Haji Nassar; Seksi Kebudayaan dan Kesenian: Awang Suhaili bin Haji Moktal; Seksi Penerangan: Awang Salleh bin Haji Mohd. Noor; Pemereksa Kira2: Awang Zainal bin Awg. Tengah dan Pengersi Tetan: Ak. Md. Yusof bin Pg. Tajuddin.

LAGI 98 ORANG PENUNTUT MENERIMA HADIAH B.S.P.

KUALA BELAIT. — Sa-ramai 62 orang penuntut lelaki dan perempuan dari 27 buah sekolah rendah, dan menengah Melayu, Inggeris, sekolah Misi dan Tiong Hwa, maktab dan Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Kuala Belait di-Daerah Belait telah menerima hadiah dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Hadiah yang berupa sa-pasang fountain pen itu ia-lah bagi penuntut yang terbaik dalam berbagai kegiatan dan aktiviti di-sepanjang tahun 1972 di-sekolah masing2.

Hadiah itu telah di-sampaikan oleh Penasehat Perhubungan Perniagaan Sharikat Minyak Shell, Awang G.C. Harper di-satu majlis penyampaian yang telah di-adakan di-Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait pada minggu lalu.

Sa-belum menyampaikan hadiah tersebut, Awang Harper telah memberikan ucapan yang antara lain telah menyatakan bahawa hadiah itu adalah satu pemberian dari Sharikat Minyak Shell sa-bagai galakan dan dorongan kepada penuntut2.

Turut juga memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Belait, Awang Haji Sabtu bin Muhammad selaku pengerusi majlis dan Penolong Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Mohamed Sum bin Hashim selaku wakil dari Jabatan Pelajaran.

DI-TEMBURONG, sa-ramai 36 orang penuntut dari daerah itu juga telah menerima hadiah yang sa-rupa.

Hadiah itu telah di-sampaikan oleh Syed Ahmad Fadzillah Ali di-satu majlis yang di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar pada hari Isnin lepas.

Sa-ramai 226 orang penuntut dari Daerah2 Brunei/Muar dan Tutong menerima hadiah dari sharikat itu pada minggu lalu.

Perlawanan bola sepak chara persahabatan antara pasukan Brunei dgn GUTHRIE dari S'pura

BERAKAS. — Sa-ramai 20 orang pemain bola sepak dari pasukan GUTHRIE di-Singapura akan tiba di-Brunei hari ini untuk membuat lawatan selama beberapa hari di-samping mengadakan perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan.

Perlawanan itu di-kekelolakan oleh Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei.

Perlawanan pertama pada hari Khamis 29hb. Nohember antara pasukan BAFA dengan pasukan GUTHRIE.

Perlawanan kedua hari Jumaat 30hb. Nohember antara pemain bola sepak Negeri

Tayangan filem

BANDAR SERI BEGAWAN.

Jabatan Perikanan akan menayangkan sa-buah filem keluaran Walt Disney mengenai kehidupan di-kawasan berumput di-Afrika pada hari Jumaat 30hb. Nohember hingga hari Ahad 2hb Disember. Tayangan filem itu akan di-adakan di-Dewan Kuliah Aquarium Hassan Bolkiah Bandar Seri Begawan mulai jam 7.30 malam.

Tayangan yang sama juga akan di-adakan pada pukul 3.00 petang, hari Ahad 2hb. Disember.

Beberapa buah filem tambahan mengenai taman bunga 'Herrenhsusen Castle,' di-Hannover; mengenai circus yang melawat sa-buah bandar di-Jerman dan sa-buah filem kartun Walt Disney mengenai kisah Benjamin Franklin juga akan di-tayangkan.

Tiket2 boleh di-beli di-pintu masuk Aquarium Hassan Bolkiah mulai pukul 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, dan dari jam 2.00 petang hingga 8.00 malam tiap2 hari hingga hari Ahad.

Brunei dengan GUTHRIE dan perlawanan ketiga hari Sabtu 1hb. Disember pasukan pelawat itu akan menemui pasukan ke-6 Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles.

Semua perlawanan itu di-adakan di-padang Besar di-Bandar Seri Begawan mulai jam 4.30 petang.

Tiket2 nunton berharga \$4.00 (tempat khas) \$1.00 untuk orang dewasa dan 50 sen untuk kanak2 sekarang boleh di-dapati dari Sharikat Hasrah di-Bandar Seri Begawan. Awang Taha bin Metusin di-Pejabat Kastam Diraja dan Ag. Mohiddin bin Haji Mokti di-Pejabat Kaji Bumi atau di-pintu masuk sa-belum perlawanan di-mulakan.



Gambar atas menunjukkan Awang G.C. Harper menyampaikan hadiah kepada salah sa-orang penuntut perempuan yang terpilih di-Daerah Tutong manakala gambar bawah menunjukkan beliau sedang menyampaikan hadiah tersebut kepada salah sa-orang penuntut lelaki di-Daerah Belait.



Keramaian murid di-kawasan Tutong I

TUTONG. — Sekolah2 Melayu di-Bahagian Tutong Satu pada masa ini mempunyai sa-ramai 1,912 orang murid dan 128 orang guru dari 16 buah sekolah di-bahagian itu.

Dari jumlah itu, lebih 500 orang murid akan menyambong pelajaran mereka ka-sekolah2 Persediaan Inggeris Kerajaan dan ka-Sekolah Menengah Melayu sementara 336 orang murid2 baru akan masuk belajar pada awal tahun 1974.

Bahagian Tutong Satu pada masa ini mempunyai 50 bangunan sekolah sementara yang sa-bagai penampung keperluan kanak2 yang mesti bersekolah di-kampung2 berkeinaan.

Bangunan2 sekolah sementara itu, ia-lah Batang Mitus, Panchong, Kampung Menengah, Sengkara dan Kuala Tutong.

Sebelas buah lagi sekolah berupa bangunan kekal di-ba-

hagian Tutong Satu sekarang mempunyai keramaian murid sa-jumlah 1,225 orang.

Bintang Radio

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan Melayu Radio Brunei akan mengadakan pertandingan Bintang Radio bagi tahun 1973 tidak berapa lama lagi.

Pertandingan itu terbuka kepada semua warga negara Brunei, lelaki dan perempuan yang berumur 18 tahun keatas. Lagu2 yang akan dipertandingkan ia-lah jenis baru dan lama.

Borang2 bagi memasoki pertandingan itu sekarang boleh di-dapati dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan dari Pegawai Luar Jabatan Penyiaran dan Penerangan Tutong.

Borang2 itu hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 4hb. Disember.



SATU perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan antara Polis Diraja Brunei dan pasukan Polis Miri telah di-adakan di-padang besar Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat lepas (gambar kiri).

Dalam perlawanan tersebut pasukan Polis Diraja Brunei telah menang dengan 4 gol berbalas 3

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

I) PEMBERITA:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya. Kebolehan menaip ada-lah satu kelebihan.

Pembantu Teknik

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pembantu2 Teknik di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 & Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil City and Guilds Intermediate atau kelayakan2 tempatan lain yang sa-banding dengan-nya. Pemohon2 mesti-lah mempunyai sakurang2-nya 2 tahun pengalaman praktik dalam pembinaan dan/atau pemeliharaan ranchangan2 saloran najis.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — \$410x20-510 / EB / 540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Calon2 yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun dan termasuk masa percuti sa-lama 6 bulan. Calon2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh percuti.

Bakiss:

Bagi sa-orang calon yang di-lantik sa-chara berkontrek, bakiss sa-banyak 12½% daripada gaji kan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bakiss tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb. Januari, 1974.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 — \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

II) PEGAWAI KECIL TEKNIK JAWATAN RENDAH:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Pengalaman mengenai kerja2 di-studio akan di-beri keutamaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB.3 — \$220x10-250 / 260x10-290 / EB / \$300x10-350. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb. Januari, 1974.

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

a) BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Utama Mohd. Salleh Temburong.

b) MERBUT (1 jawatan) — Bagi Mesjid Utama Mohd. Salleh Temburong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Tawaran mengurus tuck-shop

TAWARAN akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Bandar Seri Begawan tidak lewat daripada jam 4.00 petang pada hari Isnin 24hb. Disember, 1973 untuk menguruskan sa-buah TUCK-SHOP di-Sekolah Persediaan Ingeris, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Pemborong yang berjaya mesti-lah membayar kepada Kerajaan bayaran tetap sa-banyak \$26.00 sa-bulan sa-bagai penggunaan tempat tersebut.

Pemborong yang berjaya mesti-lah membayar segala tuntutan bayaran bekalan letrik, gas dan ayer yang di-gunakan di-tempat itu.

Segala alat perkakas yang di-gunakan untuk menjalankan tuck-shop itu hendak-lah di-sediakan oleh pemborong itu sendiri.

Tawaran ini akan berjalan selama dua tahun mulai dari tarikh perjanjian di-tanda-tangani.

Tawaran hendak-lah di-masokkan di-dalam sampul surat yang tertutup dan di-alamatkan kepada sa-perti para I dan di-tanda dengan terang PELAJARAN — TUCK-SHOP SEKOLAH (Education — School Tuck-shop).

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau pun sebarang tawaran.

b) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kerpah bila2 masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji ada-lah sa-perti berikut:-

Jawatan BILAL — U.2 — \$220 x10-390-410x10-430.

Jawatan MERBUT — U.1 — \$190x5-230-240x10-270.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 19hb. Januari, 1974.

Lebeh ramai memasoki G.E.C. tahun depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Peperiksaan telah mendaftarkan sa-ramai 800 orang calon untuk memasoki peperiksaan Sijil Am Pelajaran dalam bulan Januari tahun hadapan.

Peperiksaan itu ia-lah bagi peringkat 'O' dan tertinggi dan akan di-adakan dari 1hb. hingga 25hb. Januari.

Sa-ramai 400 orang calon akan menduduki peperiksaan itu di-Maktab Anthony Abell, Seria dan 400 orang calon lain-nya di-Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan.

Sa-orang juruchakap bagi pehak Jabatan Pelajaran Bahagian Peperiksaan berkata, bilangan itu ada-lah yang terbesar pernah mengambil peperiksaan tersebut berbanding dengan tahun2 lalu.

Meneruskan pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 55 orang penuntut2 Brunei yang belajar di-Sekolah2 Menengah di-Singapura yang pada masa ini sedang berchuti di-tanah ayer akan balek ka-sekolah masing2 pada akhir bulan hadapan.

Sa-ramai 28 orang lagi penuntut2 itu yang tiba di-Brunei pada 12hb. Nobember akan balek ka-Singapura pada 28hb. Disember dan sa-ramai 34 orang penuntut yang tiba di-Brunei pada 13hb. Nobember akan balek pada 29hb. Disember ini.

Sa-ramai 28 orang lagi penuntut2 Brunei yang belajar di-Sekolah2 Menengah di-Singapura akan pulang ka-Brunei akhir bulan ini sa-telah mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Singapura dan ujian peperiksaan Cambridge serta peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan.

Sa-ramai 14 orang dari mereka akan tiba di-Brunei pada 28hb. Nobember, 10 orang pada 29hb. Nobember dan 4 orang lagi pada 1hb. Disember.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

Sa-bagai Bidan

Pelajar

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek ka-jawatan Bidan Pelajar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VI Melayu atau yang sebanding dengan-nya, dan boleh bertutor dalam Bahasa Melayu. Pertimbangan yang sewajarnya akan di-beri terhadap kelayakan pelajaran yang di-perolehi.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang bersedia untuk kembali ka-kampung masing2 untuk berkhidmat sa-bagai Bidan sa-telah memperolehi kelayakan.

Pemohon2 mesti-lah berumur sekurang2-nya 20 tahun.

Latehan:

Chalun2 yang berjaya akan menjalani kursus latehan sa-lama dua tahun di-Sekolah Perbidanan, Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan.

Sa-telah menamatkan latehan sa-lama enam bulan, bidan pelajar yang tidak mencapai darjah yang memuaskan dalam menjilati latehan ini akan di-benarkan daripada jawatan mereka.

Mereka ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan di-akhir kursus latehan tersebut.

Sukatan Gaji:

Bidan Pelajar — \$152.00 sa-bulan.

Bidan Terlateh — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Bidan — \$410x20-510/EB/540x20-660.

Bidan Pelajar yang di-lantek dibawah peratoran ini akan berhak mendapat pakaian seragam dan alaoan dhobi.

Bidan terlateh berhak bagi mendapat sokongan ka-jawatan Bidan.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb. Januari, 1974.

Sa-bagai Atendan

Rumah Sakit

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Atendan Rumah Sakit di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Me'ayu dan juga mempunyai sedikit pengetahuan dalam bahasa Inggeris.

Tugas2:

Chalun2 yang terpilih akan ditempatkan di-Rumah Sakit Kerajaan, Gedong2 Ubat dan di-Klinik2 Kesihatan. Mereka mesti-lah bersedia menjalankan tugas sama ada siang atau malam di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2-3-4 EB. 5 — \$200x5-260/EB/270x10-290.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb. Januari, 1974.

SA-BAGAI GURU SEKOLAH ARAB DI-J.H.E.U.

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk di-lantek sa-bagai Guru Sekolah Arab di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Mesti-lah berumur tidak kurang 25 tahun.

(b) Hendak-lah mempunyai kelulusan sekurang2-nya kelas Khas (Takhassus) dari Sekolah Arab Aljuned, Singapura atau yang sa-banding dengan-nya.

(c) Mempunyai pengalaman mengajar 10 tahun, dan tidak kurang 5 tahun daripadanya berpengalaman mengajar matapelajaran Bahasa Arab.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 (\$710x30 — \$950).

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaa sa-lama 6 bulan. Chalun yang berjaya yang

terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya me'alui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 15hb. Januari, 1974.

Sa-bagai Pemandu Tingkat II

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan Pemandu Kereta Tingkat II di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam Daerah Temburong.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu sekurang2-nya kelas III dan V dengan tidak pernah di-da'awa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk menjalankan tugas2 seperti yang di-atorkan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2 EB.3 — \$200x5-215/EB/220x5-240.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 17hb. Januari, 1974.

Sa-bagai Pemeriksa di-Jabatan Odit

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan memenohi jawatan sa-bagai Pemeriksa di-Jabatan Odit, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris dan mempunyai kelulusan yang baik dalam matapelajaran kira2.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang berpengalaman atau pernah mempelajari audit atau accountancy.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$250x10-290 x15-380/EXAM/410x20-450 / EB / 470x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb. Januari, 1974.

Pemandu Tingkat II

Pemohon2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pemandu Tingkat II di-Jabatan Talikom, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu sekurang2-nya kelas V dan tidak pernah di-da'awa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk menjalankan tugas2 seperti yang di-atorkan oleh Pengawal Talikom.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x5-240.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12hb. Januari, 1974.

KENYATAAN TAWARAN KANTIN SEKOLAH MENENGAH UGAMA RAJA ISTERI ANAK DAMIT

Pemborang2 tempatan ada-lah di-pelawa untuk menyewa bagi menguruskan perkhidmatan Kantin Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Anak Damit Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Batu 1½, Jalan Tutong sa-lama 2 tahun mulai awal Januari, 1974 hingga dan termasuk 31hb. Disember, 1976.

Tawaran hendak-lah di-hantarkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat dari 11hb. Disember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika sebarang tawaran lewat di-terima dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

Wang chengkeram mengenai perkara ini ada-lah di-kehendaki sa-banyak \$50.00 dan boleh di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan Bahagian Kewangan pada bila2 masa waktu pejabat dibuka sa-hingga jam 3.00 petang.

Untuk mendapatkan keterangan2 lebih lanjut mengenai perkara itu dan pehak pemborang boleh-lah berhubung terus kepada Pengetua Sekolah yang berkenaan.

Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang paling murah atau saumpama-nya.

KENYATAAN TAWARAN KANTIN SEKOLAH ARAB LELAKI HASSANAL BOLKIAH

Pemborang2 tempatan ada-lah di-pelawa untuk menyewa bagi menguruskan perkhidmatan Kantin Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassan al Bolkiah Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Batu 1½, Jalan Tutong sa-lama 2 tahun mulai awal Januari, 1974 hingga dan termasuk 31hb. Disember, 1976.

Tawaran hendak-lah di-hantarkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat dari 11hb. Disember, 1973 jam 12.00 tengah hari dan jika sebarang tawaran lewat di-terima dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

Wang chengkeram mengenai perkara ini ada-lah di-kehendaki sa-banyak \$50.00 dan boleh di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan Bahagian Kewangan pada bila2 masa waktu pejabat dibuka sa-hingga jam 3.00 petang.

Untuk mendapatkan keterangan2 lebih lanjut mengenai perkara itu dan pehak pemborang boleh-lah berhubung terus kepada Pengetua Sekolah yang berkenaan.

Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang paling murah atau saumpama-nya.

(HAJI ABDULLAH METASSAN)

bp. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

BERITA YANG TIDAK BENAR BOLEH MENGELIRUKAN

(Dari muka 1)

pulang penuntut2 Brunei itu dari Malaysia ada-lah atas perintah Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang antara-nya ada-lah menunaikan permintaan sa-bilangan besar daripada penuntut2 itu sendiri dan pada menimbang rasa hati ibu-bapa2 yang merasa bimbang atas keselamatan anak2 mereka.

Kenyataan Kerajaan Brunei itu juga menafikan dengan keras-nya berita yang menyebutkan bahawa penuntut2 di-Semenanjung Malaysia telah mengadap Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan pada waktu Duli Yang Teramat Mulia itu singgah di-Singapura baru2 ini.

Kenyataan itu menjelaskan bahawa Duli Yang Teramat Mulia itu dalam keberangkatannya ka-Brunei melalui Singapura tidak pernah menjumpai penuntut2 dan tidak pernah juga penuntut2 itu me-

ngadap Duli Yang Teramat Mulia.

Menurut penafian itu, apa yang sebenar-nya berlaku ialah satu rombongan yang terdiri daripada Pengerusi Majlis Pelajaran, Pengetua Pegawai Hal Ehwal UGAMA dan Pemangku Pengarah Pelajaran telah pergi ka-Singapura pada 20hb. Oktober, 1973 yang lalu.

Tujuan rombongan itu antara lain-nya ia-lah untuk menemui penuntut2 Brunei di-Semenanjung Malaysia yang telah berkumpul di-Singapura pada memberikan penerangan dan nasihat kepada penuntut2 itu sa-bagai satu usaha Kerajaan pada menstabilkan dan mempertenangkan lagi fikiran serta kekhuatiran penuntut2 Brunei di-Semenanjung Malaysia pada masa itu.

Berita yang tidak benar yang di-terbitkan oleh mass media di-Semenanjung Malaysia itu ada-lah sangat2 di-kesalkan dan ia-nya ternyata di-tujukan untuk mengelirukan pandangan umum terhadap Brunei.

Kenyataan Kerajaan itu menekankan bahawa surat2 khabar dan lain2 mass media di-Malaysia itu ternyata telah dipergunakan dengan seluas2-nya untuk mengelirukan dan menyiarkan berita2 yang tidak benar dan munafik.

Menyambong pelajaran

(Dari muka 1)

Al-Sufri dalam pertemuan-nya dengan penuntut2 itu pada hari Isnin lepas telah menyeru mereka supaya bertenang dan bersabar dalam menghadapi keadaan yang ada sekarang.

Yang Berhormat menerangkan kepada penuntut2 itu bahawa Kerajaan memanggil balek ka-Brunei penuntut2 itu kerana menjaga keselamatan mereka.

Beliau menerangkan, Kerajaan pada masa ini sedang berusaha untuk menempatkan penuntut2 itu di-tempat2 yang sesuai bagi menyambong pelajaran mereka.

Salah sa-orang wakil dari penuntut2 itu telah mengucapkan terima kasih atas tindakan Kerajaan memanggil mereka balek ka-Brunei atas dasar keselamatan mereka.

Wakil penuntut itu juga mengharapkan supaya kedudukan mereka sekarang di-pertimbangkan dan jaminan2 yang telah di-berikan hendaklah di-praktikkan.

Tiada jalan lain untuk selesaikan-nya

(Dari muka 1)

matan penuntut2 itu, maka Kerajaan terpaksa mengambil keputusan untuk menarek balek penuntut2 tersebut.

Penarekan itu, kata beliau, memang-lah mendatangkan satu kesukaran dan kerugian yang bukan hanya kepada penuntut2 atau ibu-bapa sendiri bahkan lebih2 lagi di-pehakan Kerajaan menghadapi kesukaran dan kerugian yang besar.

Kerana penuntut2 yang di-harapkan akan menjalankan jentera Kerajaan itu telah gagal mendapatkan ijazah2 mereka di-sebabkan keadaan yang tidak tenteram itu.

Oleh kerana keadaan demikian telah memaksa Kerajaan mengambil tindakan walaupun akibat dari tindakan itu melibatkan kerugian, tetapi demi menjaga keselamatan dan ketenteraman penuntut2 yang berada di-luar negeri itu, maka tidak ada jalan lain lagi yang lebih baik untuk menyelesaikan perkara itu melainkan Kerajaan terpaksa memanggil balek penuntut2 tersebut.

Yang Berhormat itu berharap, kepedihan perasaan yang di-hadapi oleh ibu-bapa itu disambut dengan tenang dan sabar sambil berserah kepada Allah.

Di-samping itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Insha Allah, akan sentiasa menjalankan usaha dan ikhtiar untuk menjamin masa depan mereka bagi menempatkan mereka ka-Universiti2 atau Maktab2 yang bersesuaian dengan pengajian mereka supaya mereka dapat menyambong sa-mula pelajaran mereka.

Persidangan pendidekan

(dari muka 4)

lalu jauh untuk datang menyertai kelas malam.

Awang Ray Rewberry, sa-orang pegawai Council British, Penasihat kepada Kementerian Pelajaran, Singapura, yang sedang melawat Brunei di-bawah anjoran British Council London, telah menyampaikan cheramah dalam persidangan tersebut.

Persidangan itu telah di-hadiri oleh lebih dari 100 orang guru diseluruh negeri.

Ia-nya juga membincangkan beberapa perkara yang di-kemukakan oleh seksi2 drama, sukan, bantuan pandang dengar, nyanyian, dan seni lukis persatuan itu.

Sa-buah filem pendidekan telah juga di-tayangkan di-persidangan itu.

Jaminan Kerajaan kapada penuntut2

(Dari muka 1)

subersif terhadap Malaysia dan dengan demikian dia boleh menghubungkan pehak2 tertentu supaya paspot penuntut2 Brunei di-tahan dan tidak dibenarkan balek ka-Brunei.

Kata-nya, hanya kasut penuntut2 Brunei saja di-kirim balek ka-Brunei.

Anchaman2 lain, dia akan menghantar enam orang komando untuk membakar padang minyak Seria, menghantar surat2 yang mengandungi bom ka-Brunei dan kalau perlu, kata-nya, menghantar dua ratus ribu orang tentera ka-Brunei.

Pelarian Brunei itu yang mendapat perlindungan politik di-Malaysia di-katakan bebas bergerak ka-sana kemari di-Semenanjung Malaysia tanpa sekatan dan kawalan tertentu.

Wakil penuntut itu seterusnya mengharap supaya Kerajaan akan membukakan peluang bagi mereka melanjutkan pelajaran.

Dalam satu kenyataan Kerajaan bahawa Kerajaan telah memberi jaminan dan memberi keutamaan kepada penuntut2 yang di-panggil pulang itu.

Insha Allah, Kerajaan berjanji dan berusaha untuk menyambong balek pelajaran penuntut2 itu di-pusat2 pengajian luar negeri.

Sementara itu, Haji Morshidi ia-lah salah sa-orang yang terlibat dalam satu kompulan merancang membawa lari lapan orang tahanan Brunei di-Berakas ka-Limbang kemudian di-terbangkan ka-Kuala Lumpur dalam bulan Julai tahun ini.

Peristiwa itu juga melibatkan bantuan dan channortangan Warder 19 Mat Desa warga negara Malaysia dari Inoh, Perak yang bersama2 lari pada waktu itu.

Meskipun anchaman Haji Morshidi kepada penuntut2 Brunei itu belum pernah teriat tetapi ia-nya boleh di-sifatkan satu teori yang mungkin berlaku dan mungkin membahayakan keselamatan penuntut2 Brunei.

Dalam keadaan ini telah membayangkan bahawa tindak-tandok dan kegiatan Haji Morshidi yang sengkaja di-tempatkan dalam satu asrama dengan penuntut2 Brunei sudah jelas mengandungi satu maksud lain yang telah diranchang.

Langkah segera Kerajaan memanggil pulang penuntut2 itu ada-lah bagi mengutamakan keselamatan mereka dari terus-menerus di-ancham.

692 masuk pereksa Bahasa Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 692 orang penuntut2 kelas dewasa akan mengambil peperiksaan bahasa Inggeris awal bulan Disember hadapan.

Peperiksaan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran itu akan di-adakan sa-lama tiga hari mulai 3hb. Disember.

Sa-ramai 95 orang penuntut akan mengambil pereksaan Primary II; 172 orang Primary IV; 180 orang Primary VI; 145 orang Tingkatan I dan 100 Tingkatan II.

Pepereksaan kelas dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hampir 1,000 orang murid yang menghadhiri kelas2 dewasa akan mengambil peperiksaan membenteras buta huruf.

Peperiksaan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa itu akan di-adakan di-52 buah pusat peperiksaan.

Guru2 yang berkenaan yang mengawasi peperiksaan hendak-lah mengambil kertas2 soalan peperiksaan di-Jabatan Pelajaran.